

Haramkan pembinaan, penggunaan senjata nuklear

Minggu lalu, masyarakat dunia umumnya dan rakyat Jepun khususnya, memperingati genap 70 tahun kemusnahan Bandaraya Hiroshima dan Nagasaki akibat penggunaan bom atom. Pada peristiwa hitam berkenaan, Tentera Berikat diketuai Amerika Syarikat menggugurkan bom atom ke atas kedua-dua bandar raya terbabit bagi mengakhiri Perang Dunia Kedua (1939 - 1945) yang menyebabkan kemusnahan serta kehilangan banyak nyawa yang tidak berdosa, termasuk wanita, warga tua serta kanak-kanak.

Kesan radioaktif bom atom masih ada

Tidak dapat dipastikan sehingga kini jumlah sebenar mangsa kejadian itu. Namun, melalui rekod sejarah, ia sekitar 120,000 hingga 140,000 orang. Kesan radioaktif akibat pancaran bom atom terbabit juga menyebabkan masalah kesihatan teruk yang terpaksa dipikul mangsa terselamat dan kesan dihadapi mereka juga masih kelihatan sehingga kini.

Presiden Amerika Syarikat ketika itu, Harry S Truman yang memberi kelulusan ke atas penggunaan bom atom menyatakan tindakan itu perlu bagi mengakhiri Perang Dunia Kedua yang menyaksikan perang dilakukan tentera Jepun ke atas negara dijajah mereka.

Walaupun begitu, masih banyak

pihak berpendapat bom atom tidak sepatutnya digunakan ke atas bandar raya serta masyarakat umum. Perdebatan mengenai kewajaran bom atom diletupkan ke atas kedua-dua bandar raya terbabit masih hangat dibincangkan sehingga kini. Sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua serta akhirnya Perang Dingin (1945 - 1991), tiada lagi bom atom digunakan ke atas mana-mana bandar raya serta masyarakat umum.

Barat beralih cipta senjata nuklear

Walaupun begitu, negara Barat dilihat masih membina serta menggunakan senjata atom ini. Bom atom terbabit juga ditambah baik dari segi kekuatan kemusnahannya dan kini lebih dikenali sebagai bom nuklear.

Beberapa negara Barat masih menyimpan bom nuklear ini dalam skala besar. Banyak negara juga dilihat berlumba-lumba membangunkan serta menggunakan senjata nuklear kerana menganggap dengan memiliki senjata nuklear dapat memberikan mereka kedudukan istimewa di mata dunia.

Dengan mengambil kira faktor kemusnahan besar serta impak teruk yang boleh dibawa melalui pembinaan dan penggunaan senjata nuklear, sudah sampai masanya semua negara bersatu bagi mengharamkan sebarang



Rakyat Jepun membawa sepanduk pada perhimpunan antinuklear.

bentuk pembinaan dan penggunaan senjata nuklear.

Walaupun bahan nuklear boleh digunakan dengan cara baik serta dapat memberi faedah kepada masyarakat, namun sebarang bentuk pembinaan serta penggunaannya sebagai bahan senjata perlu disekat dan diharamkan untuk kesejahteraan sejagat.

Sehingga kini terdapat beberapa konvensyen atau perjanjian antarabangsa yang mengharamkan pembinaan dan penggunaan senjata pemusnah seperti senjata

biologi dan kimia, periuk api serta peluru berangkai, tetapi malangnya masih tiada perjanjian atau konvensyen yang sama bagi mengharamkan pembinaan dan penggunaan senjata nuklear yang hakikatnya sebuah senjata pemusnah terbesar dalam sejarah peradaban manusia.

Syor wujud perjanjian haram senjata nuklear

Oleh yang demikian, masyarakat antarabangsa perlu memberi kerjasama bagi mewujudkan sebuah perjanjian atau konvensyen an-

tarabangsa perlu mengisi kekosongan undang-undang ini.

Dengan wujudnya sebuah perjanjian atau konvensyen mengenai isu terbabit, sudah pasti sebarang bentuk pembinaan serta penggunaan senjata nuklear dapat dibendung dengan jayanya.

Walaupun kini wujud Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT), Perjanjian Halangan Ujian Komprehensif serta pengisytiharan zon larangan bagi penggunaan nuklear di beberapa kawasan di serata dunia, ia dilihat masih belum mencukupi bagi membendung serta menghapuskan pembinaan serta penggunaan senjata terbabit.

Pengharaman pembinaan serta penggunaan senjata nuklear adalah satu-satunya cara yang dilihat paling berkesan bagi mengatasi isu terbabit. Pada hari memperingati peristiwa 70 tahun letupan bom atom di Bandaraya Hiroshima pada minggu lalu, Perdana Menteri Jepun menyuarakan hasrat negaranya membawa sebuah draf resolusi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada September depan bagi mengharamkan senjata nuklear.

Draf resolusi terbabit perlu mendapat persetujuan serta sokongan kuat semua pihak termasuk Malaysia yang kini menduduki kerusi Majlis Keselamatan, PBB bagi mewujudkan dunia yang lebih aman, stabil serta bebas dari sebarang bentuk senjata pemusnah.

Dr Muzaffar Syah Mallow
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)